



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (18)

Tarikh: 28 Julai 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PERMULAAN KERJA PELAKSANAAN *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7 (NBOS7) MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* DI TAMAN SETIA JAYA, ALOR SETAR**

Alor Setar, 28 Julai 2012 - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan permulaan projek *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7 (NBOS7) MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* di mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Dalam Negeri diberi tanggungjawab untuk melaksanakan *National Blue Ocean Strategy (NBOS) 7 : My Beautiful Neighbourhood* atau Kejiranan Indah dan telah mengatitkan 4 program iaitu:

1. Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
2. Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
3. Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
4. Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Projek perintis program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood di Taman Setia Jaya akan dinaik taraf dan dibaik pulih menjadi kawasan perumahan yang selamat, bersih dan ceria untuk didiami melibatkan kerjasama semua jabatan di bawah KPKT, KDN, KBS, SUK Negeri Kedah, PBT dan Pejabat Pembangunan Negeri Kedah (ICU) sebagai agensi pelaksana.

Taman Setia Jaya terdiri daripada 10 blok yang menampung 800 unit rumah dengan anggaran 4 ribu orang penghuni. Kerja-kerja menaiktaraf dan pemulihan adalah seperti berikut:

**a. Membaiki prasarana dan kemudahan awam**

- Naik taraf dan pemasangan lampu jalan
- Penyelenggaraan bangunan, mengecat, membaiki bumbung, tangki air dan pili bomba (hydrant)
- Mengecat semula bahu jalan dan tempat letak kereta
- Membaiki dan membersihkan sistem perparitan
- Pembersihan dan meningkatkan kekerapan kutipan sampah
- Naik taraf lanskap dan taman permainan kanak-kanak

**b. Keselamatan dan pencegahan jenayah**

- Omnipresence, *4 man patrolling* oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pemasangan papan tanda PDRM dan tempat letak motosikal berkunci di bawah Program Bandar Selamat.
- Penubuhan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) oleh Penduduk Taman Setia Jaya dan

**c. Penglibatan sosial**

- Penglibatan belia Taman Setia Jaya dalam program 1M4U (1 Malaysia for Youth).
- Kempen Keselamatan dan Kesedaran Kebersihan
- Program gerak gempur pembersihan kawasan bersama penduduk Taman Setia Jaya.

Selain daripada Taman Setia Jaya, projek NBOS 7 juga akan diperluaskan di 5 kawasan lain iaitu :

- a. Simpang Kuala, Alor Setar;
- b. Seberang Terus, Alor Setar;
- c. Taman Lobak, Seremban;
- d. Taman Harmoni (Buntong), Ipoh Perak; dan
- e. Larkin, Johor Bahru.

Kesemua projek ini dijangka siap pada Oktober 2012.

Majlis pada pagi ini diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Y.Bhg. Dato' Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha KPKT Datuk Arpah binti Abdul Razak, Pegawai

Kemajuan Negeri Kedah, Y.Bhg. Datuk Azmi bin Lateh, Y.Bhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd Khir, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Y.Bhg Datuk Hj. Zaini bin Md Nor, Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA, YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf, Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan, Tuan Haji Esa bin Hj. Ahmad, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara dan Y.Bhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, agensi di bawah KPKT, pegawai-pegawai kanan KPKT, Kerajaan Negeri Kedah, syarikat konsesi dan penduduk Taman Setia Jaya.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)